

Pekerja asing dikurangkan secara berperingkat



Suara dari
Parlimen

Antara langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan dalam mencapai matlamat tersebut adalah dengan menggalakkan majikan melaksanakan proses automasi dan mekanisasi.

KUALA LUMPUR - Kerajaan bercadang mengurangkan pekerja asing secara berperingkat-peringkat dari 2.1 juta kepada 1.8 juta orang pada tahun 2010, kata Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr S Subramaniam (BN-Segamat).

Menurut beliau, antara langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan dalam mencapai matlamat tersebut adalah dengan menggalakkan majikan melaksanakan proses automasi dan mekanisasi dan tidak lagi intensif buruh.

“Seterusnya, kementerian bersama-sama dengan



S SUBRAMANIAM

Kementerian Dalam Negeri sedang dalam tindakan mengkaji semula dasar penggajian pekerja asing, menilai keperluan sebenar pekerja asing mengikut subsektor ekonomi dari semasa ke semasa dan seterusnya mengetatkan lagi syarat-syarat dan prosedur kemasukan pekerja asing,” jelasnya di sidang Dewan Rakyat semalam.

S Subramaniam berkata demikian ketika menjawab pertanyaan daripada Tan Sri Tengku Razaleigh Tengku Hamzah (BN-Gua Musang) me-

ngenai strategi serta perancangan kerajaan bagi mengurangkan pergantungan negara terhadap tenaga buruh separuh mahir dari luar negara dan jumlah kehadiran mereka setiap tahun.

Tambah beliau lagi, kerajaan sememangnya berhasrat untuk mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing tetapi pada realitinya terdapat sektor-sektor tertentu yang mana pekerja asing masih diperlukan seperti di sektor perladangan, pembinaan, pembuatan dan pembantu rumah.

“Keperluan pekerja asing di sektor tersebut disebabkan berorientasi intensif buruh dan pekerja tempatan tidak berminat kerana keadaan persekitaran kerja yang tidak menarik,” ujarnya.

Jumlah pekerja asing di negara ini pada tahun 2006 adalah seramai 1.8 juta orang manakala tahun 2007 seramai dua juta dan seterusnya meningkat kepada 2.1 juta pada tahun 2008.